



Rujukan kami : KPM.600-14/1/20 JLD II ()
Tarikh : 23 Disember 2016
23 Rabiulawal 1438 H

Encik Ding Poi Bor
Pengarah Urusan
DKLS Industries Berhad
No. 26, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre
Off Jalan Pahang Barat
53000 Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM PENINGKATAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MELALUI PERTANDINGAN ESEI *DKLS LINGUISTIC AMBASSADOR AWARD*

Dengan penuh hormatnya surat tuan bertarikh 15 Disember tentang perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan perkongsian pintar bersama pihak **DKLS Industries Berhad**.

3. Sehubungan dengan itu, KPM tiada halangan **menyokong** penganjuran dan pelaksanaan program **Pertandingan Esei *DKLS Linguistic Ambassador Award*** bagi tahun 2017 sebagai aktiviti peluasan memperkasakan bahasa Inggeris. Program berkenaan dilihat dapat membantu menjana kreativiti murid dan mengasah bakat penulisan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Pihak KPM juga amat menggalakkan penyertaan murid untuk mengambil bahagian dalam program-program tersebut.

4. Penganjuran sebarang program/aktiviti di bawah pihak tuan walau bagaimanapun, adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 – Ruj. KP(BS)8691/Jld.XVIII/(9) bertarikh 16 September 2004** – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

5. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai untuk tujuan rekod dan rujukan. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas **31 Disember 2017**.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM”

Saya yang menurut perintah,

(MAHAMAD AMRAN BIN KAMSI)
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.laysia 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri